International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494




**INTERNATIONAL JOURNAL OF ENTREPRENEURSHIP AND MANAGEMENT PRACTICES (IJEMP)**
www.gaexcellence.com/ijemp

# KEDUDUKAN DINAR EMAS SEBAGAI INSTRUMEN WAKAF: ANALISIS BERDASARKAN AL-QURAN DAN HADIS

## *THE STATUS OF GOLD DINAR AS A WAQF INSTRUMENT: AN ANALYSIS BASED ON THE QURAN AND HADITH*

Che Khadijah Hamid[1]*, Surita Hartini Mat Hassan[2], Salimah Yahaya[3], Sakinatul Raadiyah Abdullah[4]

[1]Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Malaysia
chekhadijah@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0000-7304-6817

[2]Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Pahang, Kampus Raub, Malaysia
suritahartini@uitm.edu.my https://orcid.org/0000-0002-0998-5374

[3]Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Malaysia
salimahyahya@uitm.edu.my https://orcid.org/0000-0002-9088-8976

[4]Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Malaysia
sakinatulraadiyah@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0007-1246-4741

*Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**
Received date: 05.08.2026
Revised date: 27.08.2026
Accepted date: 08.09.2026
Published date: 20.09.2026

**Abstract:**

Penggunaan wang fiat dalam amalan berwakaf menimbulkan persoalan kerana sifatnya yang tidak stabil, mudah menyusut nilai, serta tiada nilai intrinsik, yang dikhuatiri boleh menjejaskan keutuhan harta wakaf. Isu ini menjadi semakin signifikan sejajar dengan perkembangan sistem kewangan dan cabaran ekonomi semasa. Menyedari kelebihan logam emas, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji asas penggunaan dinar emas sebagai instrumen wakaf berpandukan dalil al-Quran dan hadis. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

**To cite this document:**

Hamid, C. K., Hassan, S. H. M., Yahaya, S., & Abdullah, S. R. (2026). Kedudukan Dinar Emas Sebagai Instrumen Wakaf: Analisis Berdasarkan Al-Quran Dan Hadis. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices, 9*(36), 472-494.

**DOI:** 10.35631/IJEMP.935027

kandungan terhadap sumber-sumber primer berdasarkan al-Quran dan hadis, manakala sumber sekunder seperti literatur dan kajian ilmiah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, pertama, dinar emas memenuhi fungsi sebagai wang dan sering dibincangkan dalam konteks medium pertukaran, ukuran nilai serta penyimpan nilai. Kedua, penelitian terhadap al-Quran mendapati bahawa tidak terdapat nas secara khusus yang menyentuh penggunaan dinar emas sebagai salah satu medium berwakaf. Begitu juga, tidak terdapat nas yang menyebut wakaf secara khusus, sebaliknya konsep wakaf dapat dikaitkan dengan konsep sedekah. Dari sudut hadis, tidak terdapat nas khusus yang menyebut secara terang mengenai penggunaan dinar emas sebagai medium wakaf, walaupun terdapat perbincangan mengenainya dalam konteks sedekah. Walau bagaimanapun, ketiadaan nas khusus ini tidak bermakna pengaplikasian dinar emas dalam wakaf adalah terlarang, sebaliknya keharusannya boleh dinilai menerusi prinsip umum syarak berkaitan harta, kewangan, sedekah, dan wakaf.

**Kata Kunci:**

Dinar Emas; Wakaf; Instrumen Wakaf; al-Quran; Hadis

**Abstract:**

The use of fiat money in waqf practices raises concerns due to its unstable nature, susceptibility to depreciation, and lack of intrinsic value, which may potentially affect the integrity of waqf assets. This issue has become increasingly significant in line with the development of financial systems and contemporary economic challenges. Recognising the advantages of gold as a precious metal, this study examines the basis for the use of gold dinar as a waqf instrument based on evidence from the Qur'an and hadith. This study adopts a qualitative approach through content analysis of primary sources, namely the Qur'an and hadith, as well as secondary sources, including relevant literature and scholarly studies. The findings indicate, first, that the gold dinar fulfils the functions of money and is frequently discussed in terms of its role as a medium of exchange, a measure of value, and a store of value. Second, an examination of the Qur'an reveals that there is no specific textual evidence nas addressing the use of gold dinar as a medium for waqf. Similarly, there is no specific nas that explicitly mentions waqf; rather, the concept of waqf may be associated with the broader concept of sadaqah. From the perspective of hadith, there is likewise no specific nas that explicitly addresses the use of gold dinar as a medium of waqf, although its use is discussed in the context of charity. Nevertheless, the absence of specific textual evidence does not necessarily indicate that the application of gold dinar in waqf is prohibited. Instead, its permissibility may be assessed based on the general principles of shariah concerning property, finance, charity, and waqf.

**Keyword:**

Gold Dinar; Waqf; Waqf Instrument; Qur'an; Hadith

© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution,

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijemp@gaexcllence.com.

## Pendahuluan

Matlamat utama perbincangan untuk meneliti sejauh manakah kedudukan dinar emas sebagai instrumen wakaf. Justeru, kepentingan utama bagi penyelidikan ini untuk melihat sejauh manakah kedudukannya sebagai medium berwakaf dalam Islam. Dengan sebab itu, al-Quran serta hadith menjadi tunjang utama untuk diperhalusi.

Berdasarkan literatur yang lalu, kajian Hessa Abdulrahman Abdulaziz Aljabr (2015) meneliti sistem dinar emas di wilayah Hijaz sewaktu era Abbasiyyah. Sherif Anwar dan Jere L. Bacharach (2010) pula mendapati pemerintah Ma'ad al-Muizz li-Din Allah telah memperkenalkan corak baharu dalam rejim mata wang yang berbeza daripada era Aghlabid dan Abbasiyyah. Sementara itu, Aljadani et al. (2016) menekankan dimensi sejarah antara sistem mata wang dinar dengan rejim mata wang di Negara-Negara Teluk, dengan dua penemuan utama iaitu wujudnya hubungan sejarah yang kukuh serta pengaruh nilai agama dan budaya Timur Tengah yang membentuk jaringan sistem kewangan tersebut. Di samping itu, Amirus Sodiq (2015) mengkaji keperluan mengembalikan penggunaan logam emas dan perak termasuk dinar emas yang berupaya mengekang inflasi.

Selain sudut sejarah, para pengkaji turut menumpukan fungsi dinar emas sebagai perantara pertukaran. Robert A. Mundell (1997) mengetengahkan kepentingan dinar emas dalam sistem kewangan antarabangsa abad ke-21. Muhammad Aslam Haneef dan Emad Rafiq Barakat (2006) pula meninjau pandangan fuqaha berkenaan sama ada alat pertukaran dalam Islam terhad kepada emas dan perak sahaja atau boleh mencakupi medium lain.

Arif Pujiyono (2004) menggariskan empat cabaran utama pelaksanaan dinar emas antaranya tentangan daripada pihak yang selesa dengan sistem wang fiat, kesukaran pengendalian transaksi, tanggapan negatif golongan bukan Muslim bahawa dinar bersifat eksklusif untuk umat Islam, serta pemilikan simpanan emas dunia oleh kuasa-kuasa besar. Walau bagaimanapun, Ali Mursid dan Muhammad Mujlisin (2013) serta Muhammad Bahrul Ilmi (2012) tetap mempertahankan kelebihan dinar emas di Indonesia sebagai alat pengurusan kewangan seperti pendidikan dan kesihatan. Bedjosantoso dan Khalid Ahmad (2016) menambah bahawa faktor ekonomi, pelaburan, politik, dan sosial merupakan dorongan utama penerimaan dinar emas oleh masyarakat.

Di Malaysia, kajian dinar emas mula berkembang pesat sekitar tahun 2000 berikutan cadangan kepimpinan negara untuk memanfaatkannya dalam perdagangan antarabangsa. Kajian Noorsafuan Che Noh et al. (2010) mengenai dinar emas di Kelantan menjelaskan bahawa penguasaan politik dan ekonomi global oleh umat Islam merupakan prasyarat penting jika dinar emas ingin dijadikan medium pertukaran utama.

Kamal Wan Mujani (2010), Amat@Anwar Zainal Abidin (2002), serta Salmy Edawatie Yaacob (2012) mengupas evolusi dinar sejak zaman Jahiliyyah, era Rasulullah SAW, Khulafa al-Rashidin, Abbasiyyah hingga Uthmaniah. Mereka menyimpulkan bahawa penempaan dinar emas melambangkan kedaulatan sesebuah kerajaan serta berfungsi sebagai wahana dakwah dan kekuatan ekonomi Islam. Kajian khusus turut dijalankan mengikut era tertentu, seperti era

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

Banu Marin di al-Maghrib (Mohamad Zulfazdlee & Ezad Azraai, 2010), era Umayyah di Damsyik (Farizan Jaafar & Wan Kamal Mujani, 2010), era Uthmaniah (Siti Zarinariah et al., 2010), dan era Aghlabi di Sicily (Siti Noorasikin et al., 2010). Salmy Edawatie et al. (2008) merumuskan bahawa logam emas dan perak merupakan instrumen ekonomi yang paling stabil. Salmy Edawatie Yaacob dan Hailani Muji Tahir (2010) mengenal pasti lapan bentuk penggunaan dinar emas di Malaysia, antaranya sebagai wang fizikal, sistem pembayaran elektronik, pelaburan, simpanan, urusan haji, zakat, cenderamata, dan hantaran perkahwinan. Ini berbeza dengan era Banu Marin yang menumpukan kepada cukai, gaji, dan perdagangan. Nuradli Ridzwan Shah (2005) serta Nik Maheran et al. (2011) mengkaji penerimaan masyarakat terhadap dinar emas dalam konteks perdagangan dan pelaburan di Kelantan. Sementara itu, Ruzanifah Kosnin dan Ismail Ahmad (2014) serta Sakiinah Mahamad Hakimi (2015) menjalankan kajian di Pasar Besar Taman Tun Dr Ismail (TTDI) dan mendapati bahawa pemahaman agama dan kesepakatan antara penjual dan pembeli merupakan tiang utama keutuhan penggunaan dinar emas.

Satu kajian oleh Nuradli Ridzwan Shah dan Norhayati Mat Husin (2004) ke atas syarikat bertaraf Multimedia Super Corridor (MSC) menunjukkan sokongan yang tinggi (72.3%) terhadap cadangan penggunaan dinar emas dalam perdagangan antarabangsa.

Hussin Salamon dan Zanirah Mustafa (2010) membahagikan cabaran pelaksanaan dinar emas kepada empat dimensi antaranya politik, ekonomi, sosial dan penerimaan muamalat Islam. Muhammad Basir Yusuf et al. (2013) pula mendapati faktor psikologi seperti ketakutan terhadap risiko kecurian, dinar palsu, dan tindakan kawal selia undang-undang menjadi penghalang utama di Kelantan. Dari sudut fiqh, Muhammad Nasri et al. (2010) menegaskan bahawa sistem dinar wajar dilaksanakan pada setiap zaman kerana membawa keadilan, manakala Indri Dwi Wardhani (2014) mendapati faktor keagamaan mempengaruhi niat masyarakat Malaysia dan Indonesia untuk menggunakannya.

Nor Syafika Ridzuan (2014) meneliti perbandingan transaksi emas antara Bank Kuwait Finance House dan Public Bank. Najahudin Lateh dan Salmy Edawatie (2016) pula membangunkan instrumen Pelaburan Emas Patuh Syariah (PEPS). Penelitian lain seperti Normawati Ibrahim (2004), Siti Zaiton dan Nurshuhaida (2013), serta Khairullah Mokhtar (2003) sependapat bahawa kembali kepada sistem dinar emas merupakan fardhu kifayah dan penyelesaian terbaik kerana sifatnya yang kalis inflasi. Kajian Muhayiddin dan Elsadiq (2009) serta Hishamuddin Ismail (2011) mencadangkan pengintegrasian teknologi e-dagang dan kad pintar bersandarkan emas bagi mengatasi kelemahan pemilikan emas fizikal.

Hassanuddeen A Aziz (2010), Hakim Zainal dan Maheram Ahmad (tt), serta Ahamed Kameel Mydin Meera (2010) menegaskan kepentingan sistem kewangan berasaskan nilai aset sebenar untuk meredakan krisis ekonomi global. Penemuan mereka menyanggah pandangan Wan Najihah et al. (2011) yang meragui keupayaan piawaian emas dalam menjamin kestabilan ekonomi. Kajian terhadap pemikiran ulama seperti Ibn Taymiyyah berkaitan kelonggaran jual beli perhiasan emas (Mot Noor, 2010), analisis karya fiqh muktabar (Najahudin et al., 2013), serta pemikiran Ibn Khaldun dalam kitab Muqaddimah (Abdul Qayyum et al., 2010) membuktikan wujudnya perbahasan mendalam mengenai emas dalam tradisi keilmuan Islam. Secara keseluruhannya, majoriti literatur di Malaysia lebih cenderung meneliti potensi dinar emas dari aspek ekonomi, sejarah, aplikasi teknologi, dan penerimaan awam. Namun demikian, wujud jurang kajian yang nyata dari aspek keagamaan, khususnya yang mengaitkan dinar emas dengan instrumen wakaf.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

## Metodologi Kajian

Penyelidikan kualitatif yang bersifat penerokaan ini bertujuan menilai kedudukan dinar emas sebagai instrumen wakaf menerusi lensa al-Quran dan hadis. Pengumpulan data dijalankan menerusi analisis dokumen yang merangkumi sumber primer melalui al-Quran dan hadis serta sumber sekunder berdasarkan rujukan kepada kitab turath, buku, dan jurnal akademik. Seterusnya, data dianalisis secara kualitatif menerusi teknik analisis kandungan bagi membentuk tema, konsep, dan landasan hukum yang berkaitan.

### *Kedudukan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf Menurut al-Quran*

Kedudukan al-Quran sebagai wahyu utama menuntut penelitian rapi sebagai garis panduan kehidupan manusia. Analisis wakaf difokuskan kepada surah Ali ‘Imran (3:92, 3:180), al-Baqarah (2:280, 2:245, 2:261, 2:219), dan al-Hajj (22:77). Manakala surah al-An’aam (6:32) dijadikan dalil sokongan. Bagi istilah dinar dan emas, penelitian merangkumi surah Ali ‘Imran (3:14, 3:75, 3:91), al-Taubah (9:34), al-Kahf (18:31), al-Hajj (22:23), al-Fatir (35:33), dan az-Zukhruf (43:53, 43:71).

### *Dalil-dalil Dalam al-Quran Mengenai Wakaf*

Secara umumnya, dalam al-Quran tidak dinyatakan secara jelas tentang konsep wakaf secara khusus. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa dalil al-Quran yang menyeru manusia melakukan kebaikan untuk mencapai reda Allah SWT. Kebaikan yang dimaksudkan adalah menyentuh berkenaan konsep bersedekah. Oleh sebab itu, dalam al-Quran perkataan yang membawa maksud “mereka yang percaya dan membuat amal kebajikan” misalnya telah disebut sebanyak 37 kali (Razali Othman, 2013:05). Maka, dasar yang digunakan untuk menerangkan konsep wakaf ini didasarkan pada keumuman ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan tentang amalan bersedekah atau infaq. Berdasarkan dalil pertama mengenai wakaf, Allah SWT telah berfirman dalam surah Ali-Imran 3:92 yang bermaksud:

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahui” (Ali-Imran, 3:92).

Berdasarkan kepada dalil daripada surah Ali-Imran 3:92 di atas, Sayyid Qutb (2000) dalam tafsir *Fi Zilalil Qura’n* mentafsirkan bahawa orang-orang Islam pada waktu turunnya ayat ini, mereka telah memahami maksud arahan Allah SWT dan mereka begitu berkeinginan untuk mencapai darjah kebaktian yang menjadi intipati segala kebaikan dan kebajikan dengan menyerahkan segala apa yang yang disayangi, mengorbankan harta benda kerana mengharapkan balasan yang lebih besar dan lebih utama.

Sehubungan dengan pengertian yang dikemukakan, dapat difahami bahawa Allah SWT menyeru agar hamba-Nya membelanjakan harta ke jalan yang diredai. Hal ini bermaksud, harta yang dimiliki oleh seseorang perlulah dibahagikan, didermakan dan melakukan amalan bersedekah seperti juga amalan berwakaf. Sekiranya, perbuatan yang dinyatakan tersebut dilaksanakan maka balasan pahala yang sangat besar dijanjikan oleh Allah SWT kepada mereka yang tergolong dalam kalangan itu.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

Sementara itu, dalil kedua berhubung kebaikan bersedekah dinyatakan dalam firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah 2:280 yang bermaksud:

> *"Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahlah hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak" (al-Baqarah 2:280)*

Menurut Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001) dalam tafsir Al-Maraghiy, maksud ayat ini ialah jika seseorang yang berhutang sedang menanggung kesulitan untuk melunaskan hutang, maka hendaklah pemiutang menunggu atau memberi tempoh sehingga pemiutang tersebut melunaskan hutangnya. Dalam pada itu, maksud ayat ini juga diertikan sebagai seseorang yang bersedekah kepada orang berhutang yang sedang menanggung kesulitan dengan membebaskan sebahagian atau seluruh hutangnya. Menurut beliau lagi, amalan bersedekah adalah lebih baik dan lebih besar pahalanya di sisi Allah SWT.

Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001) sekali lagi memberikan penjelasan bahawa ayat ini sangat menganjurkan supaya memberi sedekah dan berlapang dada terhadap kesulitan seseorang. Beliau menegaskan bahawa sikap berlapang dada dapat mencerminkan kasih sayang, kemurahan hati dan kebaikan seseorang kepada yang lain.

Justeru itu, penelitian dalam dalil kedua ini mempamerkan bahawa setiap kebajikan dan kebaikan yang dilakukan akan dipandang mulia oleh Allah SWT. Kemuliaan ini dapat dicapai apabila hamba-Nya seikhlas hati membelanjakan harta dengan tujuan mendapat reda-Nya, maka Allah SWT telah menjanjikan kenikmatan lebih daripada apa yang hamba-Nya miliki sebelum ini.

Di samping itu, dalam surah al-Baqarah 2:245 dan surah al-Baqarah 2:261 turut sama mendorong umat Islam agar berbuat baik dengan bersedekah seperti mana dalil kedua yang dikemukakan sebelum ini. Oleh sebab itu, surah al-Baqarah *2*:245 dan surah al-Baqarah 2:261 menjadi dalil ketiga dan keempat diteliti mengenai konsep berwakaf melalui amalan bersedekah. Intipati surah al-Baqarah 2:245 adalah bermaksud seperti berikut:

> *"Siapakah yang mahu memberikan pinjaman kepada Allah SWT sebagai pinjaman yang baik supaya Allah SWT melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya. Dan Allah SWT menyempitkan dan meluaskan (pemberian rezeki) dan kepada-Nya kamu semua dikembalikan" (al-Baqarah 2:245).*

Mengambil kira penterjemahan yang dilakukan oleh Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001) dalam tafsir Al-Maraghiy, beliau menyifatkan Allah SWT menganjurkan untuk bersedekah pada jalan-Nya. Beliau menyifatkan bahawa amalan sedekah sebagai amalan yang memberi semangat kepada jiwa dan meringankan tangan untuk menderma, manakala infaq dilihat sebagai satu pinjaman kepada Allah SWT. Padahal, Allah SWT tidak memerlukan sesuatu kerana Allah SWT mengetahui manusia kurang berminat atau berkeinginan mengorbankan harta untuk kepentingan umum. Oleh sebab itu, amalan bersedekah perlu dilakukan dengan hati yang terbuka tanpa paksaan.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

Bagi surah al-Baqarah 2:261 yang dinyatakan sebagai dalil keempat diteliti dalam kajian ini, turut mencakupi saranan-saranan berbuat baik melalui amalan bersedekah. Perkara seumpama ini dapat diteliti berdasarkan pengertian yang membawa maksud begini:

"Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (Rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya (al-Baqarah 2:261)

Melalui Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001) dalam tafsir Al-Maraghiy, pentafsiran surah al-Baqarah 2:261 tersebut menyentuh tentang seseorang yang mencari keredaan Allah SWT dengan mendermakan hartanya, dinyatakan lagi bahawa Allah SWT berfirman bahawa kebaikan bagi seseorang yang bersedekah akan memperoleh pahala seperti orang yang menanam sebiji benih di atas tanah yang subur. Kemudian, terhasil tujuh tangkai iaitu daripada sebatang pohon bercabang tujuh tangkai biji benih. Hal ini bermakna, pada setiap tangkai mengeluarkan seratus biji benih.

Sehubungan dengan pentafsiran yang dinyatakan terhadap surah al-Baqarah 2:245 dan al-Baqarah 2:261, mengetengahkan tentang firman Allah SWT menyebut tentang melipatgandakan pahala sesiapa hamba-Nya dikehendaki. Dengan ini, dapat dinyatakan bahawa amalan melakukan kebajikan dan kebaikan adalah antara amalan yang sangat dituntut dalam Islam. Perkara ini turut sama dinyatakan dalam dalil kelima melalui surah al-Hajj 22:77 Allah SWT berfirman yang bermaksud:

> *"Wahai orang-orang yang beriman! Ruku'lah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang) dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mengtauhidkanNya) serta kerjakanlah amalan-amalan kebajikan supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)" (al-Hajj 22:77).*

Ibnu Katsir (1994) dalam tafsir Ibnu Katsir, beliau mengemukakan maksud ayat dalam surah al- Hajj 22.77 adalah mengenai firman Allah SWT yang menyeru kepada orang-orang yang beriman agar tekun berukuk, bersujud dan menyembah Allah SWT serta berbuat amal-amal yang baik supaya memperoleh kemenangan dunia dan akhirat.

Justeru itu, apabila manusia melakukan dengan kerelaan hatinya, maka Allah SWT akan memberi pahala kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Oleh sebab itu, sebagai umat Islam khasnya amalan bersedekah ini adalah antara amalan baik yang perlu direbut untuk dikerjakan. Namun, amatlah rugi jika sekiranya amalan ini tidak dituruti. Hal ini dapat diteliti daripada dalil keenam yang dikaitkan dengan kajian ini, dalam al-Quran Allah SWT berfirman dalam surah al-Imran 3:180 yang bermaksud:

> "*Dan jangan sekali-kali orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka daripada kemurahan-Nya menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan bagi Allah jua lah hak milik segala warisan langit dan bumi. Dan Allah Maha Mengetahui akan segala apa yang kamu kerjakan" (al-Imran 3:180)*

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

Menurut Sayyid Qutb (2000) dalam tafsir *Fi Zilalil Qura'n* menerangkan mereka bukannya bakhil dengan harta kekayaan yang dimiliki daripada semulajadi lagi, sementara itu mereka datang ke dunia ini juga tanpa memiliki sesuatu, kemudian Allah SWT yang memberi kepada mereka harta dari limpah kurnia-Nya sehingga mereka menjadi kaya raya. Justeru itu, menurut Sayyid Qutb (2000), mereka diminta menginfaqkan sebahagian dari limpah Allah SWT yang diberikan. Walaupun begitu, bagi mereka yang bakhil mengeluarkan sedikit harta dan mengira bahawa menyimpan harta itu adalah lebih baik sedangkan yang sebenarnya perbuatan itu mendatangkan akibat yang amat buruk.

Diperjelaskan lagi oleh Sayyid Qutb (2000) dalam tafsir *Fi Zilalil Qura'n* Jilid 3 lagi, harta kekayaan yang disimpan itu hanya untuk satu jangka waktu yang pendek sahaja. Kemudian, semuanya akan pulang kepada Allah SWT dan tiada yang tinggal melainkan kadar harta yang diinfaqkan. Perkara itulah, satu-satunya harta kekayaan yang disimpan disisi Allah SWT. Selain itu, dinyatakan lagi bahawa Allah SWT mengecam orang-orang yang memiliki harta kekayaan kemudian seseorang yang menganggap dirinya terkaya daripada Allah SWT dan tidak lagi memerlukan kepada ganjaran dan balasan-Nya yang berlipat ganda yang dijanjikan Allah SWT kepada orang-orang yang mengifaqkan harta.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa Allah SWT tidak suka kepada orang yang bersifat bakhil atau lebih mudah lagi adalah bersifat kedekut. Allah SWT menjelaskan lagi bahawa sekiranya hamba-Nya bersifat sedemikian mereka akan disoal di akhirat kelak. Hal ini kerana, perlu diketahui oleh umat Islam bahawa apa jua bentuk harta kekayaan dan kemewahan adalah sementara kerana semuanya akan dikembalikan menjadi milik Allah SWT. Oleh yang demikian, akhirat adalah tempat terakhir dalam perjalanan seseorang manusia.

Sementara itu, bagi dalil ketujuh iaitu surah al-An'aam 6:32 dikemukakan untuk memperjelaskan tentang kepentingan berfikir tentang akhirat sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa perjalanan terakhir seseorang manusia adalah di alam akhirat. Memandangkan amalan bersedekah seperti berwakaf adalah salah satu amalan yang dapat membantu umat Islam mencapai kemenangan di akhirat kelak. Berdasarkan itu, dalam surah al-An'aam 6:32 yang bermaksud:

> *"Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan: dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir? (al-An'aam 6:32).*

HAMKA (1983), dalam Tafsir *al-Azhar* Juzu'7 surah al-An'aam 6:32, adalah diertikan sebagai dunia ini hanya permainan semata-mata dan memperingatkan bahawa yang sebaik-baiknya hanya di akhirat kelak. Hal ini bererti seseorang yang berfikir panjang seseorang itu tidak melihat kepada apa yang kelihatan pada mata sahaja tetapi juga memikir perkara yang tidak dapat dilihat. Oleh yang demikian, seseorang wajib melalui alam dunia terlebih dahulu dan melakukan kebaikan untuk mencapai kejayaan di akhirat.

Maka dengan sebab itulah, amalan berbuat kebajikan dan kebaikan seperti amalan wakaf sangat dituntut dalam Islam. Namun, apa yang lebih baiknya daripada amalan wakaf adalah sifatnya yang kekal. Walau bagaimanapun, tidak terdapat sebarang nas yang menunjukkan seberapa banyak jumlah dan ukuran yang perlu dilakukan oleh manusia untuk melakukan amal kebajikan dan kebaikan seperti yang telah dinyatakan. Bagi dalil kelapan, dalam surah al-Baqarah 2:219 Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

> *"Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: Pada keduanya dosa besar dan ada pula manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya. Dan mereka bertanya kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah: (Dermakanlah apa-apa) yang berlebih daripada keperluan (kamu). Demikianlah Allah SWT menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) supaya kamu berfikir" (al-Baqarah 2:219).*

Berdasarkan Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001) dalam tafsir Al-Maraghiy, al-Quran menggunakan perkataan "yang berlebih dari keperluan" adalah supaya setiap orang dapat menentukan sendiri berdasarkan masa dan keadaan mereka. Maksudnya infaq yang diluar kewajipan berzakat iaitu sedekah kepada individu atau untuk kepentingan umum. Manakala, dalam penulisan yang dilakukan oleh Razali Othman (2013) beliau menerangkan bahawa ungkapan "lebih daripada keperluan" yang digunakan dalam ayat di atas membawa maksud "lebihan keperluan diri", "lebihan penggunaan", lebihan yang tidak diperlukan" atau "lebihan selepas memenuhi keperluan diri". Perkara ini bermaksud bahawa berapa bilangan yang diperlukan untuk bersedekah adalah perkara subjektif, ukurannya adalah berdasarkan kepada keperluan seseorang tanpa membebani mereka. Hal ini kerana ungkapan "lebih daripada keperluan" difahami bahawa sesuatu harta yang dimiliki seseorang yang dirasai bahawa harta tersebut juga perlu dikongsi bersama.

Walau bagaimanapun, jika ditinjau dari aspek wakaf pula kadar dan jumlah harta tidak dinyatakan dengan jelas, Namun, seperti yang dibincangkan sebelum ini melalui surah Ali Imran 3:92, Allah SWT mengungkapkan tentang "sebahagian daripada apa yang kamu sayangi". Oleh itu, jelaslah bahawa umat Islam dianjurkan membahagikan harta kekayaan antara satu sama lain terutama harta yang disayangi. Hal ini kerana, hanya orang-orang benar-benar ikhlas sahaja dapat berbuat demikian. Justeru, apabila diambil kira perbincangan tentang dalil-dalil mengenai wakaf telah diperincikan, dalil-dalil mengenai dinar pula dikemukakan. Matlamat penghujahan tentang dalil-dalil tentang dinar diketengahkan untuk mengetahui perkaitan antara penggunaan perkataan dinar emas dalam al-Quran dengan amalan berwakaf. Sehubungan dengan itu, perbincangan dinyatakan sedemikian.

**Dalil-dalil al-Quran Mengenai Dinar**

Secara umumnya, terdapat sekurang-kurangnya satu perkataan dinar disebut dalam al-Quran dan perkataan emas pula disebut sebanyak lapan kali. Surah yang menyebut perkataan dinar ialah surah Ali-Imran 3:75, manakala surah yang menyebut perkataan emas ialah surah Ali-Imran 3:14, surah Ali-Imran 3:91, surah al-Taubah 9.34, surah al-Kahf 18:31, surah al-Hajj 22:23, surah al-Fatir 35:33, surah al-Zukhruf 43:53 dan surah al-Zukhruf 43:71.

Satu dalil yang menggunakan perkataan dinar dalam al-Quran adalah dalam surah Ali-Imran 3:75 yang bermaksud:

> *"Dan di antara Ahli Kitab, ada orang yang kalau engkau amanahkan dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun, ia akan mengembalikannya (dengan sempurna) kepadamu, dan ada pula di antara mereka yang kalau engkau amanahkan menyimpan satu dinar pun, ia tidak akan mengembalikannya kepadamu kecuali kalau engkau selalu menuntutnya. Yang demikian itu ialah kerana mereka mengatakan: "Tidak ada*

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

*jalannya kami menanggung dosa mengenai orang-orang yang Ummi dan, mereka pula selalu berkata dusta terhadap Allah SWT sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta) (Ali-Imran, 3:75).*

Sehubungan dengan itu, Ibnu Katsir (2008:93) berpandangan Allah SWT berfirman bahawa orang yang jika kamu diberikan kepadanya harta yang banyak dan dikembalikan adalah bermaksud jika harta kekayaan lebih sedikit dari itu, maka tentu saja akan lebih menunaikannya. Kemudian, berkenaan di antara mereka ada juga orang yang jika kamu memberikan kepadanya satu dinar, tidak dikembalikan kepadamu, kecuali jika kamu selalu meminta yang bermaksud orang-orang yang meminta dan terus menerus menagih untuk mendapatkan haknya. Jika terdapat satu dinar sahaja, maka terhadap sesuatu yang nilainya lebih dari satu dinar makan tentu sahaja tidak mengembalikannya kepadamu.

Sementara itu, menurut tafsiran yang dibuat oleh al-Tha'labiyy dalam kitab tafsirnya al-Jawahir al-Hisan fi Tafsir al-Quran pula, beliau berpandangan bahawa ayat ini tidak datang dalam bentuk ditujukan untuk menceritakan dinar sebagai unit perkiraan mata wang, tetapi secara tidak langsung dapat difahami bahawa jumlah satu dinar adalah unit kiraan terkecil dalam pengiraan matawang emas. Dengan sebab itu, perbincangan ini mengambilkira pengertian yang dibuat oleh al-Tha'labiyy bahawa secara tidak langsung dinar yang dikemukakan dalam surah Ali-Imran, 3:75 mencakupi juga sebagai salah satu unit pengiraan matawang yang diperbuat daripada emas sebagaimana dinar.

Dalam penafsiran yang dihujahkan, jelas menunjukkan dinar memainkan peranan yang cukup penting sebagai alat pertukaran bagi memudahkan urusan-urusan yang berkaitan ekonomi antaranya mengumpulkan harta kekayaan, elemen pembayaran, alat komoditi yang memberi pulangan yang baik. Maka, dinar dilihat sebagai barang komoditi yang sangat diperlukan oleh manusia untuk memudahkan urusan kewangan.

Seterusnya, penerangan tentang dalil-dalil mengenai emas diperincikan satu persatu. Surah pertama adalah surah Ali-Imran 3:14, mengemukakan tentang emas, dinyatakan bahawa Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*"Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, yaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia: dan di sisi Allah-lah kembali yang baik (surga)" (Ali-Imran, 3:14).*

Berdasarkan penafsiran yang dibuat oleh Ibnu Katsir (2008: 23), Allah SWT berfirman mengenai apa yang dijadikan indah bagi manusia dalam kehidupan dunia. Perkara ini bermaksud manusia boleh memperolehi berbagai kenikmatan di dunia seperti kenikmatan wanita dan anak-anak. Menurut Ibnu Katsir (2008) lagi dalam surah Ali- Imran 3:14, Allah SWT memulainya dengan menyebut berkenaan wanita kerana fitnah yang ditimbulkan oleh wanita itu lebih berat.

Secara jelasnya, perkara yang dapat difahami daripada pengertian yang dikemukakan oleh Ibnu Katsir (2008) menghujahkan tentang wanita dan dikaitkan dengan perhiasan yang dapat memberi kenikmatan. Berdasarkan penelitian, didapati perkataan emas secara tidak langsung juga dapat difahami menunjukkan tentang kecantikan dan kesenangan hidup di dunia. Kecenderungan manusia kepada perhiasan adalah satu fitrah manusia untuk memenuhi

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

syahwat seseorang. Oleh yang demikian, emas dalam surah tersebut lebih menjurus kepada syahwat seseorang manusia. Keduanya, dalam surah Ali-Imran, 3:91 Allah SWT telah berfirman yang maksudnya:

> *"Sesungguhnya orang-orang yang kafir, lalu mati sedangkan mereka tetap kafir, maka tidak sekali-kali akan diterima daripada seseorang di antara mereka: emas sepenuh bumi, walaupun ia menebus dirinya dengan (emas yang sebanyak) itu. Mereka itu akan mendapat azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dan itu, mereka itu akan mendapat azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dan mereka pula tidak akan beroleh seorang penolong pun" (Ali-Imran, 3:91).*

Dikemukakan oleh Ibnu Katsir (2008: 113), dalam ayat ini Allah SWT menghubungkan kalimat "walaupun dia menebus dirinya dengan sebanyak mana emas". Hal itu menunjukkan bahawa tebusan emasnya lain dari emas yang dinafkahkan. Selain itu, ini bererti tidak ada sesuatu pun yang dapat menyelamatkannya dari siksa Allah SWT meskipun menebus dirinya dengan emas sepenuh isi bumi seberat gunung, tanah, pasir, dataran rendah dan tinggi serta daratan dan lautan. Berdasarkan dalil tersebut, penggunaan perkataan emas berupa emas yang digunakan untuk penebus diri orang kafir, dikaitkan dengan pembalasan yang pedih yang bakal diterima mereka. Hal ini kerana, orang-orang yang meninggal dalam kekafiran tidak akan diterima daripada seorang pun di antara mereka sepenuh bumi. Ungkapan "sepenuh bumi" boleh ditakrifkan sebagai suatu jumlah harta yang banyaknya seisi bumi. Dengan sebab itu, walaupun emas ditukar ganti sebagai tidak dihukum di akhirat kelak, pembalasannya tetap akan diterima oleh mereka.

Dalil ketiga pula, perkataan emas dalam al-Quran turut dirujuk kepada sikap kedekut seseorang untuk melakukan amalan baik dan disukai Allah SWT seperti bersedekah. Hal ini dinyatakan dalam firman Allah SWT dalam surah al-Taubah 9:34 yang bermaksud:

> *"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendita-pendita dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah SWT, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya" (al-Taubah 9:34).*

Menurut penerangan oleh Ibnu Katsir (2008) Jilid 4, Allah SWT berfirman bahawa orang-orang yang menimbun emas dan perak dan tidak menafkahkan di jalan Allah SWT adalah mereka yang tergolong dalam jenis ketiga dari golongan orang-orang yang dipandang oleh masyarakat iaitu tokoh agama. Hal ini kerana, masyarakat memerlukan para ulama, ahli ibadah dan orang-orang kaya. Menurut beliau lagi, jika tiga kelompok manusia ini rosak maka rosaklah keadaan masyarakatnya.

Berdasarkan pengertian oleh Ibnu Katsir (2008) menjurus kepada kepentingan pihak-pihak seperti ilmuan, golongan agama dan mereka yang mempunyai harta dalam mentadbir sesebuah negara. Sementara itu, perkataan emas diertikan sebagai sesuatu yang berharga kepada manusia. Namun, demikian Allah SWT memperingatkan bahawa seseorang tidak seharusnya menyimpan sebagai hak perseorangan tetapi Allah SWT menyeru supaya seseorang itu membelanjakan ke jalan Allah SWT. Bagi, perkataan membelanjakan boleh membawa erti bersedekah seperti berwakaf, amalan tersebut untuk mendapat keredaan Allah SWT. Allah

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494
SWT juga mengingatkan bahawa seksa yang pedih akan diterima kepada mereka yang tidak membelanjakan hartanya ke jalan Allah SWT.

Seterusnya berkenaan dalil keempat, berhubung dengan surah al-Kahf 18:31, berdasarkan surah ini Allah SWT telah berfirman bahawasanya:

> *"Mereka itu, disediakan baginya syurga yang kekal, yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka dihiaskan di dalamnya dengan gelang-gelang tangan emas, dan memakai pakaian hijau daripada sutera yang nipis dan sutera tebal yang bersulam; mereka berehat di dalamnya dengan berbaring di atas pelamin-pelamin (yang berhias). Demikian itulah balasan yang sebaik-baiknya dan demikian itulah surga tempat berehat yang semolek-moleknya (al-Kahf 18:31).*

Secara dasarnya, Ibnu Katsir (1994) dalam tafsir Ibnu Katsir menghuraikan ayat ini dengan menggambarkan keadaan orang-orang yang berbahagia iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah SWT, beriman kepada rasul-rasul dan risalah yang dibawa serta melakukan amalan soleh yang diperintahkan oleh Allah SWT kepadanya. Selanjutnya, Ibnu Katsir (1994) menerangkan bagi mereka itu Allah SWT menyediakan sebagai pahala atas amal-amal baiknya di bawahnya mengalir sungai-sungai, sedang mereka sebagai penghuninya mengenakan gelang-gelang emas dan berpakaian hijau dari sutera halus dan sutera tebal serta mereka duduk bersandar.

Justeru itu, surah al-Kahf 18:31 ini, menggambarkan tentang keindahan syurga. Perkataan emas digunakan sebagai mengambarkan peranannya sebagai barangan perhiasan seperti gelang-gelang emas yang cantik dan indah. Allah SWT juga menggambarkan bahawa nikmat di dalam syurga termasuklah gelas, pinggan yang diperbuat daripada emas dan perak. Manakala, gambaran tentang pakaian yang diperbuat daripada kain sutera hijau yang halus dan tebal serta bersulam. Sehubungan dengan itu, hakikat sebagai manusia khasnya umat Islam berhasrat untuk dikurniakan nikmat syurga pada hari akhirat kelak dan menjadi kewajipan umat Islam melaksanakan perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangannya. Selanjutnya, penggunaan perkataan emas dalam al-Kahf 18:31 turut mempunyai persamaan dengan beberapa surah yang lain antaranya surah al-Hajj 22:23, surah al-Fatir 35:33, surah az-Zukhruf 43:53 dan az-Zukhruf 43:71 yang mewakili surah kelima, keenam, ketujuh dan kelapan dalam perbincangan ini. Bagi surah al-Hajj 22:23, Allah SWT telah berfirman dalam surah ini yang bermaksud:

> *"Sesungguhnya Allah SWT akan memasukkan orang-orang yang beriman dan beramal soleh ke dalam syurga yang mengalir padanya beberapa sungai; mereka dihiaskan di situ dengan gelang-gelang emas dan mutiara, dan pakaian mereka di situ dari sutera" (al-Hajj, 22:23)*

Berdasarkan Ibnu Katsir (1994) dalam tafsir Ibnu Katsir, perkara yang dikemukakan dalam surah al-Hajj 22:23 ialah menceritakan keadaan ahli neraka dan derita yang menerima pelbagai siksaan dan azab, maka dalam ayat ini Allah SWT menceritakan keadaan ahli syurga dan apa yang tersedia bagi mereka berupa kesenangan, kebahagiaan dan kelazatan hidup. Kemudian, mengalir sungai-sungai yang di bawah syurga mereka. Begitu juga, pakaian-pakaian sutera dan perhiasan-perhiasan dari emas dan mutiara, serta pergaulan yang suci bersih di antara mereka. Sementara itu, dalam surah al-Fatir 35:33 Allah SWT telah berfirman bermaksud:

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

> *"(Balasan mereka ialah) Syurga-syurga "Adn", yang mereka akan masukinya; mereka dihiaskan di dalamnya dengan gelang-gelang daripada emas dan mutiara; dan pakaian mereka di situ adalah daripada sutera" (al-Fatir 35:33).*

Sekali lagi Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001) Jilid 11 dalam tafsir Al-Maraghiy memberi penjelasan bahawa dalam surah ini, Allah SWT menggambarkan syurga yang penuh dengan kenikmatan akan dimasuki oleh orang yang menerima warisan daripada mereka yang berupa al-Quran. Di sana mereka akan berhias dengan gelang-gelang daripada emas dan mutiara manakala pakaian mereka pula daripada sutera. Dalam surah Az-Zukrhruf 45:53 yang bermaksud seperti berikut:

> *"(Kalau betul ia seorang Rasul) maka sepatutnya dia dipakaikan (oleh Tuhannya) gelang-gelang emas (yang menandakan ia seorang pemimpin), atau datang malaikat bersama-sama dengannya (sebagai saksi tentang kebenarannya)" (Az-Zukhruf 43:53).*

Seperti mana yang dinyatakan oleh Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001) Jilid 13 dalam tafsir Al-Maraghiy, beliau mentafsirkan dengan menimbulkan persoalan mengapakah Tuhan tidak memberikan kepadanya gelang emas sebagai pengiktirafan-Nya untuk membuktikan kebenaran dakwaannya seperti yang dilakukan oleh seorang raja. Kemudian, Firaun meneruskan dakwaannya dan menyatakan tidak ada pembantu dari kalangan para malaikat yang membantunya. Persoalan dinyatakan lagi, mengapakah Nabi Musa A.S tidak datang bersama para malaikat yang sentiasa mengiringnya, membantu setiap urusannya dan menyatakan kesaksiaan tentang kebenaran kenabiannya seperti yang biasa kami lakukan untuk setiap urusan penting, jika pengakuannya itu benar.

Mengambilkira konteks penafsiran yang dihuraikan bagi surah Az-Zukhruf 43:53 berikut, pengertian yang dinyatakan adalah memfokuskan ayat ini kepada pendakwaan Firaun terhadap gelas emas dan penghuraian tentang para malaikat. Oleh yang demikian, ketiga-tiga surah yang dinyatakan dapat dirumuskan bahawa terdapat tiga kali diungkapkan tentang peranan emas sebagai perhiasaan iaitu "gelang-gelang emas" yang mengambarkan kenikmatan dan keindahan syurga. Dengan sebab itu, secara tidak langsung berdasarkan dalil kelima, keenam dan ketujuh mempamerkan emas yang disifatkan sebagai perhiasan.

Kemudian, bagi dalil kelapan dalam surah Az-Zukhruf 43:71, ungkapannya disebut sebagai "piala-piala emas" turut sama menonjolkan sifatnya sebagai perhiasan. Perkara ini diungkapkan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

> *"Diedarkan kepada mereka pinggan-pinggan besar dan piala-piala daripada emas; dan di dalam syurga itu pula disediakan segala yang diingin oleh nafsu serta dipandang indah oleh mata; dan (dikatakan kepada mereka): "kamu adalah tetap kekal di dalamnya" (az-Zukhruf, 43:71).*

Bagi maksud ayat dalam surah ini, Sayyid Qutb (2000) dalam tafsir *Fi Zilalil Qura'n* Jilid 14, menerangkan tentang kegembiraan dan sukacita yang dapat dinikmati di dalam syurga, dinyatakan lagi bahawa tanda-tanda dapat dilihat pada setiap bahagian anggota dan rupa paras setiap pengguninya. Kemudian, sekiranya digambarkan melalui imaginasi penglihatan bahawa terdapat pinggan-pinggan, makanan-makanan, minuman-minuman dan piala-piala dari emas diedarkan kepada ahli syurga. Begitulah keadaan ahli-ahli syurga apabila mereka sentiasa memperolehi segala yang diidamkan oleh hati mereka. Maka, di sana terdapat kelazatan dan

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494
kenikmatan, kesempurnaan dan keindahan mata memandang yang diberikan. Justeru, surah az-Zukhruf 43:71 tersebut menggambarkan bahawa logam emas adalah sesuatu yang berharga dan menjadi keindahan.

**Perbincangan Dalil-dalil al-Quran Mengenai Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf**

Secara keseluruhannya, al-Quran menggambarkan emas sebagai aset bernilai tinggi yang melambangkan kekayaan. Walaupun tiada nas yang menyebut penggunaan dinar emas khusus untuk wakaf, larangan menimbun emas dalam surah al-Taubah (9:34) memberi isyarat jelas bahawa harta emas hendaklah dijana dan diinfakkan demi kemaslahatan ummah.

***Kedudukan Dinar Emas Menurut Hadith***

Setelah membincangkan mengenai kedudukan dinar emas menurut al-Quran, penelitian terarah kepada kedudukan dinar emas menurut hadith. Penekanan terhadap penelitian hadith dikemukakan kerana dua kepentingnya untuk kajian ini. Pertama, seperti yang dinyatakan sebelum ini dalil-dalil mengenai wakaf adalah bersifat umum dalam al-Quran, jadi penjelasan menerusi hadith tentang wakaf akan lebih menonjol dan meluas. Penelitian kepada konsep wakaf penting kerana daripada perbincangan konsep wakaf itulah pengkaji dapat merumuskan sama ada wujud wakaf yang mengguna pakai konsep emas atau pun dinar emas. Kedua, penelitian ke atas hadith penting kerana tunjang rujukan kedua dalam Islam selepas al-Quran. Secara umumnya, terdapat beberapa hadith yang menyentuh perihal berkaitan wakaf. Berdasarkan penelitian, sumber daripada hadith mengenai wakaf turut mengaitkan amalan bersedekah. Hal ini kerana, penelitian terhadap beberapa hadith antaranya Rasulullah SAW bersabda:

> *"Apabila telah wafat anak Adam, maka terputuslah (pahala) amalnya kecuali tiga perkara. Sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang berdoa untuknya (ibu bapa)" (Riwayat Bukhari dan Muslim: 1631).*

Berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim no 1631, terdapat tiga perkara yang akan dihisab oleh Allah SWT kepada hamba-Nya setelah meninggal dunia kelak. Perkara pertama adalah mengenai sedekah jariah, kedua ilmu yang dimanfaatkan dan seterusnya doa anak-anak yang soleh kepada kedua ibu bapanya. Dengan ini, berdasarkan kepada tiga perkara yang dikemukakan jelas menunjukkan bahawa amalan bersedekah adalah antara amalan kebaikan yang memberi manfaat walaupun setelah kematian.

Jika diteliti dari aspek hadith, manfaat wakaf adalah jelas dikemukakan iaitu pahala pewakaf tetap kekal walaupun sudah meninggal dunia. Walau bagaimanapun, apabila menyentuh berkenaan tentang konsep wakaf penghuraiannya agak terbatas.

Pertama, kerana konsep wakaf tidak dapat diketahui dengan lebih jelas antaranya persoalan-persoalan seperti bentuk orang berwakaf, jenis barangan yang perlu diwakafkan, apakah harus diwakafkan dan berapa banyak bilangan yang perlu diwakafkan. Oleh yang demikian, hadith yang berikutnya diteliti untuk memahami tentang konsep wakaf. Berdasarkan hadith Rasulullah SAW yang berikutnya:

> Artinya: *"Umar bin Al-Khattab telah mendatangi Nabi SAW, lalu berkata, "Wahai Rasulullah, saya memperolehi tanah di Khaibar yang saya tidak menyukai sama sekali*

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

*harta yang lebih daripadanya, maka apa yang kamu serukan kepadaku?" Nabi menjawab, Jika kamu ingin tahan pokoknya dan bersedekah dengannya. Lalu Umar bersedekah dengan hasil bumi tanah itu. Tanah tersebut tidak dijual, tidak dihibahkan, dan tidak diwariskan. Umar bersedekah dengannya kepada orang-orang fakir, hamba, di jalan Allah SWT, orang yang di perjalanan, dan memakan sebahagian daripadanya dengan cara baik, dan memberi makan bukan untuk memperkaya diri" (Sahih Muslim: 3085).*

Melalui hadith ini jelas menunjukkan penggunaan medium berwakaf, antaranya hasil bumi tanah di Khaibar. Seterusnya, maksud wakaf adalah jelas iaitu bererti menahan. Penahanan terhadap harta wakaf tersebut dinyatakan dengan jelas antaranya tidak boleh dijual, tidak boleh dihibahkan dan tidak diwariskan. Selain itu, dinyatakan juga melalui hadith ini golongan yang layak mendapat manfaat iaitu orang-orang fakir, hamba dan orang musafir.

Kemudian, tujuan berwakaf juga turut diajukan dalam hadith ini, bahawa matlamat berwakaf adalah untuk tujuan kebaikan dan bukannya untuk menunjuk kemewahan dan kekayaan. Oleh yang demikian, kadar dan hitungan jumlah yang diperlukan oleh seseorang pewakaf turut disentuh melalui ungkapan "harta yang lebih daripadanya" yang boleh difahami bahawa harta yang dimiliki seseorang yang bukan keperluannya. Oleh sebab itu, pengagihan harta kekayaan itu perlu dinikmati oleh orang lain.

Dengan ini jelaslah bahawa kedua-dua Hadith Bukhari dan Muslim: 1631 dan Sahih Muslim: 3085 menunjukkan bahawa konsep berwakaf adalah memulangkan hak Allah SWT dan bermatlamat mendapat reda Allah SWT. Dalam pada itu, melalui Hadith Shahih Bukhari no 5180, menggambarkan tentang harta yang sangat disayangi, namun diwakafkan untuk mendapat reda Allah SWT. Hal ini melalui, riwayat Abu Talhah berkata kepada Rasulullah SAW:

*"Sesungguhnya harta yang paling aku sayangi adalah hartaku di Bairuha dan sesungguhnya hartaku di Bairuha itulah yang kuwakafkan ke jalan Allah SWT" (Shahih Bukhari: 5180)*

Berdasarkan hadith ini, menurut cerita Anas bin Malik, bahawa Abu Talhah adalah seorang Ansar yang paling banyak memiliki kebun kurma di Madinah. Beberapa kebun kurma yang disayanginya ialah kebun kurma di Bairuha yang terletak berdekatan dengan sebuah masjid. Rasulullah SAW sendiri pernah mengunjunginya dan meminum airnya yang sangat nyaman.
Dalam pada itu, beberapa hadith yang lain pula menunjukkan tentang medium berwakaf dalam pelbagai bentuk antaranya melalui Hadith Sahih Muslim no.1634, Rasulullah SAW telah bersabda:

*"Sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda: Bahawa Khalid telah mewakafkan baju besinya dan beberapa kelengkapan perangnya pada jalan Allah SWT" (Sahih Muslim: 1634).*

Dengan demikian, medium berwakaf berdasarkan hadith ini jelas melalui penggunaan alatan perang dan baju besi sebagai mekanisme untuk berwakaf. Hal ini, dapat difahami bahawa alatan tersebut diwakafkan bertujuan mendapat reda Allah SWT. Di samping itu, penggunaan tanah untuk dijadikan tapak masjid turut disebut melalui Hadith Shahih Muslim no 816

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

daripada Anas r.a, beliau telah berkata: ketika Rasulullah SAW datang ke Madinah dan memerintahkan supaya membina masjid. Rasulullah SAW berkata:

> *''Wahai Bani Najjar! kamu taruhkanlah kepadaku harga kebun kamu ini (untuk dibayar)". Maka jawab mereka: Demi Allah SWT, tidak kami minta harganya melainkan kepada Allah Ta'ala", (Maka Rasulullah SAW mengambil tanah kebun itu dan terus membinanya masjid) (Sahih Muslim: 816).*

Dalam pada itu, terdapat juga hadith mengenai wakaf telaga air. Terdapat dua riwayat yang menceritakan tentang harta wakaf telaga air. Melalui hadith pertama iaitu daripada Uthman r.a, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

> *"Sesiapa yang menggali Telaga Raumah baginya balasan syurga. Berkatalah 'Uthman r.a: Maka saya pun menggalinya".*
>
> *"Kamu jualkanlah mata air itu kepadaku dengan mata air di dalam syurga. Maka jawab lelaki itu: Ya Rasulullah!Tidak ada apa-apa harta lagi bagiku dan keluargaku selain daripada mata air (telaga) itu. Lalu sampaikan berita tersebut kepada Uthman r.a dan terus membelinya dengan harga 35 ribu dirham. Kemudian 'Uthman pun datang menemui Nabi SAW lalu bertanya: ''Adakah aku juga boleh dapat seperti apa yang Engkau boleh dapatkan untuk lelaki itu? Sesungguhnya kalau begitu, aku jadikan telaga itu sebagai wakaf untuk orang-orang Islam"*

Berdasarkan hadith tentang wakaf perigi, matlamat tetap sama iaitu untuk kebaikan terutamanya umat Islam.

Secara umumnya, hadith-hadith yang membicarakan tentang dinar emas diteliti mempunyai beberapa aspek perbincangan. Berdasarkan penelitian hadith-hadith mengenai dinar emas banyak mengaitkan fungsinya sebagai alat pertukaran. Sebagaimana yang telah diriwayatkan dalam sabda Rasulullah SAW:

> *"Ali bin Abdullah menceritakan kepada kami, Sufyan menceritakan kepada kami, Syahid bin Gharqadah menceritakan kepada kami, ia berkata: saya mendengar penduduk bercerita tentang 'Urwah, bahawa nabi SAW memberikan wang satu dinar kepadanya agar dibelikan seekor kambing untuk beliau; lalu dengan wang tersebut ia membeli dua ekor kambing, kemudian ia jual satu ekor dengan harga satu dinar. Ia pulang membawa satu dinar dan satu ekor kambing. Nabi SAW mendoakannya dengan keberkatan dalam jual belinya. Seandainya 'Urwah membeli debu pun, ia pasti beruntung" (Shahih Bukhari No 3370).*

Berdasarkan Hadith Shahih Bukhari no 3370 yang dinyatakan, fungsi dinar sebagai wang adalah jelas difahami melalui ungkapan "memberikan wang satu dinar kepadanya agar dibelikan seekor kambing untuk beliau". Hal ini kerana, perkataan dinar dikhususkan fungsinya sebagai wang dan alat pertukaran. Di samping itu, fungsi wang sebagai penyimpan nilai dikemukakan dalam hadith ini. Berdasarkan kepada ungkapan "membeli dua ekor kambing, kemudian ia jual satu ekor dengan harga satu dinar" menunjukkan bahawa nilai wang tersebut masih sama walaupun dalam tempoh yang lain.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

Bersesuaian dengan peranannya sebagai alat pertukaran, dinar emas juga diteliti berdasarkan hadith sangat bersangkutan dengan aktiviti jual beli. Beberapa aspek yang disentuh termasuklah berkaitan larangan terhadap unsur riba dan pembayaran hutang. Dengan sebab itu, Allah SWT sangat melarang hamba-Nya melakukan riba. Oleh yang demikian, adalah antara hadith-hadith yang menunjukkan riba adalah sesuatu yang haram dalam aktiviti perniagaan. Hal ini berikutan sabda Rasulullah SAW:

> *"Janganlah kalian menjual satu dinar dengan dua dinar, dan jangan pula kalian menjual satu dirham dengan dua dirham" (Shahih Muslim: 2967).*
>
> *"Dinar dengan dinar, tidak ada kelebihan antara kedua-duanya (jika dipertukarkan); dan Dirham dengan Dirham dan tidak ada kelebihan di antara kedua-duanya (jika dipertukarkan)" (Muslim: 2974).*
>
> *"Tukarlah emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam dengan sama kuantiti dan dengan tangan ke tangan (serah menyerah). Maka apabila berlainan jenis barangan yang ditukar, maka tukarlah mengikut yang kamu suka asalkan dilakukan secara serahan pada waktu yang sama" (Shahih Bukhari: 2971).*

Berdasarkan ketiga-tiga hadith yang dikemukakan, Allah SWT melarang urusniaga dilakukan dengan menukarkan barangan yang tidak dari jenis yang sama iaitu berlebihan antara satu sama lain.

Selain itu, turut dinyatakan bahawa melalui Hadith Shahih Bukhari No 2971 emas merupakan barangan yang tergolong dalam barangan yang berunsur riba. Barangan yang lain termasuk perak, gandum, barli, kurma dan garam. Oleh kerana sifatnya yang berunsur ribawi Allah SWT menekankan sekiranya barangan yang ditukar adalah berlainan, maka pertukaran perlu dilakukan pada waktu yang sama. Sebagaimana Rasulullah SAW telah bersabda:

> *"Menukar perak dengan emas adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar gandum dengan gandum adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar barli dengan barli adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar kurma dengan kurma adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama" (Shahih Bukhari: 2971).*

Seterusnya, dinar emas turut dikaitkan sebagai alat untuk pembayaran hutang. Berdasarkan kepada Hadith Shahih Bukhari No 6687 seperti berikut:

> *"Sekiranya aku mempunyai emas sebesar gunung Uhud, sungguh aku pun tetap berkeinginan untuk tidak mempunyai tiga dinar padahal aku masih mempunyai satu dinar, itupun tak ada alasan bagiku untuk mencarinya selain karena ada hutang yang harus". Kubayar, yang kuharap ada orang menerima pembayaran hutangku" (Shahih Bukhari: 6687).*

Membayar hutang merupakan satu kewajipan kepada umat Islam. Hal ini kerana, bagi sesiapa yang meminjam adalah berhak ke atasnya untuk melangsaikan hutang tersebut. Selain fungsinya sebagai alat pembayaran hutang, difahami juga bahawa dinar emas turut berfungsi sebagai perhiasan seperti pakaian dan cincin. Sebagaimana dalam sabda Rasulullah SAW:

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

> *"Nabi SAW memakai cincin emas, lantas para sahabat juga membuat cincin emas, maka Nabi SAW bersabda: "Sungguh, aku dahulu memang memakai cincin emas," Lantas beliau membuangnya dan bersabda: "Sekali-kali aku tidak memakainya lagi,". "maka para sahabat juga membuang cincin mereka" (Shahih Bukhari: 6754).*

Berdasarkan kepada Hadith Shahih Bukhari no 6754, Allah SWT melarang kaum lelaki memakai perhiasan yang diperbuat daripada emas seperti cincin. Hal ini kerana, logam emas seperti cincin adalah perhiasan yang hanya dikhaskan kepada kaum wanita. Oleh sebab itu, kaum lelaki dilarang sama sekali menyerupai kaum wanita.

Selain larangan kepada kaum lelaki terhadap pemakaian emas, dinar emas juga turut berperanan sebagai salah satu alat. Hal ini kerana, dinar emas turut digunakan sebagai logam yang berharga untuk dijadikan pembayaran mahar perkhawinan. Hal ini terbukti melalui hadith:

> *"Telah menceritakan kepada kami Sulaiman bin Harb telah menceritakan kepada kami Syu'bah dari Abdul Aziz bin Shubaib daripada Anas bahawa Abdulrahman bin Auf menikahi seorang wanita dengan mahar berupa wazn nawat (butiran emas), lalu Nabi SAW menyaksikan pesta walimahan yang penuh keceriaan, maka Abdulrrahman pun berkata, "Sesungguhnya aku telah menikahi seorang wanita dengan mahar satu ons emas". Dan daripada Qatadah daripada Anas bahawasanya; Abdulrrahman bin Auf menikahi seorang wanita dengan mahar satu ons emas"*

Sehubungan dengan itu, penggunaan emas sebagai pembayaran mahar perkhawinan adalah antaranya fungsinya sebagai logam berharga. Dalam pada itu, emas juga berfungsi sebagai harta simpanan emas. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda bahawa:

> *''Hampir saja Furat mengumpulkan harta simpanan daripada emas "Barangsiapa menghadirinya, jangan mengambil apa pun" (Shahih Muslim: 5154).*

Hadith mengenai dinar emas juga turut mengemukakan tentang kepentingan sedekah jariah untuk mendapat ganjaran daripada Allah SWT. Hal ini dimaksud dalam Hadith Shahih Muslim no 1661 bahawa:

> *"Dinar (harta) yang kamu belanjakan di jalan Allah dan dinar (harta) yang kamu berikan kepada seorang budak wanita, dan dinar yang kamu sedekahkan kepada orang miskin serta dinar yang kamu nafkahkan kepada keluargamu. Maka yang paling besar ganjaran pahalanya adalah yang kamu nafkahkan kepada keluargamu"(Shahih Muslim:1661).*

Demikian juga, kaedah pengeluaran zakat turut dikaitkan dengan logam seperti perak dan dinar. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW bahawasanya:

> *"Diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri r.a: Nabi SAW bersabda: Hasil bumi yang kurang daripada lima wasaq iaitu segantang tidak diwajidkan zakat. Perak yang kurang daripada lima uqiah tidak diwajidkan zakat"*

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

*"Diriwayatkan daripada Saidina Aisyah r.a Bahawasanya Nabi SAW mengambil pada setiap dua puluh dinar dan lebih sebanyak separuh dinar dan daripada empat puluh dinar satu dinar (sebagai zakat)".*

Berdasarkan kedua-dua hadith ini dijelaskan tentang kaedah pembayaran zakat dan kewajipan pembayaran zakat ke atas emas yang dimiliki.

***Penelitian Tentang al-Hadith Mengenai Medium Berwakaf***

Secara keseluruhan, terdapat empat perkara yang dapat diteliti dalam perbincangan tentang hadith mengenai wakaf. Pertama, hadith yang dikemukakan mengenai wakaf tidak menyentuh aspek penggunaan dinar emas sebagai barangan untuk berwakaf. Kedua, terdapat hadith yang mengemukakan aspek manfaat berwakaf secara jelas. Begitu juga hadith yang menerangkan konsep berwakaf turut diterangkan dengan jelas dan difahami. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang konsep wakaf dalam bentuk dinar emas tidak ditemui. Ketiga, kebanyakan hadith membincangkan tentang wakaf dalam bentuk harta tak alih seperti tanah dan tapak masjid. Keempat, terdapat hadith tentang penggunaan medium berwakaf yang lain seperti peralatan perang dan perigi air.

Di samping itu, berdasarkan hadith mengenai dinar emas terdapat enam perkara yang diteliti mempunyai kaitan dengan logam emas dan perak termasuklah kaitan dengan dinar dan dirham sebagai wang. Perkara-perkara berkenaan dinar sebagai alat pertukaran, fungsinya dalam urusan jual beli iaitu larangan riba dan pembayaran hutang, berperanan sebagai alat perhiasan, harta simpanan, sedekah jariah dan pengeluaran zakat. Sehubungan dengan itu, tidak ditemui tentang hadith yang mengaitkan dinar emas sebagai satu kaedah wakaf. Namun, terdapat hadith mengenai dinar emas yang mengemukakan kaedah zakat. Walau bagaimanapun, kaedah zakat yang dimaksudkan bukan bererti penggunaan dinar emas sebagai alat untuk berzakat tetapi tentang pemilikan emas sebagai harta kekayaan menyebabkan perlunya kepada kewajipan berzakat. Seterusnya, terdapat hadith yang turut mengaitkan dinar emas dengan amalan bersedekah. Oleh kerana itu, hadith tersebut difahami sebagai hadith yang paling hampir dengan amalan berwakaf. Hal ini kerana, sebagaimana yang telah dikemukakan dalam perbincangan sebelum ini bahawa wakaf adalah satu bentuk membuat kebajikan dan kebaikan. Oleh yang demikian, unsur dinar emas dinyatakan secara terbatas dengan amalan bersedekah dan bukannya amalan berwakaf. Namun, dapat difahami bahawa emas adalah salah satu alat yang baik untuk digunakan sebagai sesuatu untuk berterusan dan disedekahkan.

***Perkaitan Wakaf Dengan Dinar Emas Menurut al-Quran dan Hadith***

Secara umumnya, perkaitan antara wakaf dengan dinar emas menurut al-Quran dan Hadith ini diteliti kerana dalam al-Quran maksud wakaf adalah sesuatu yang bersifat umum, oleh yang demikian konsep wakaf dikaitkan dengan konsep bersedekah. Manakala, terdapat penggunaan perkataan emas dan perak dalam dalil al-Quran. Dalam hadith pula, terdapat penggunaan perkataan dinar. Maka, keperluan meneliti perkara ini agar persoalan kedudukan dinar emas sebagai medium berwakaf dapat diketahui.

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

**Jadual Perkaitan Wakaf Dengan Dinar Emas Menurut al-Quran**

| AL-QURAN TENTANG WAKAF | AL-QURAN TENTANG DINAR EMAS |
|---|---|
| a) Tiada dalil yang khusus tentang amalan wakaf menggunakan dinar emas | a) Terdapat satu ayat yang menyebut tentang dinar dan lapan ayat tentang emas |
| b) Amalan wakaf tersirat dalam amalan bersedekah | b) Allah SWT menyeru melakukan amalan bersedekah, dinyatakan dalam ungkapan "menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah". Hal ini bermakna ada penggunaan perkataan emas dan perak. |

Merujuk kepada Jadual di atas, terdapat dua kategori perbincangan yang dikemukakan. Pertama mengenai perkaitan antara dalil-dalil dalam al-Quran mengenai wakaf dengan dalil-dalil al-Quran mengenai dinar emas. Berdasarkan kepada dua perkaitan dalam Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa tiada dalil yang menunjukkan bahawa berwakaf menggunakan dinar emas. Apatah lagi dalil mengenai wakaf juga turut terbatas kepada konsep sedekah. Oleh yang demikian, apabila meneliti tentang dalil al-Quran mengenai wakaf konsep dalam bersedekah. Berbalik kepada dalil mengenai dinar emas pula, Allah SWT menyeru agar tidak menyimpan emas dan perak semata-mata tanpa membelanjakan harta tersebut ke jalan Allah SWT. Dengan ini, dapat difahami bahawa Allah SWT menggalakkan umatnya melakukan amalan sedekah termasuklah mewakafkan sesuatu yang berharga. Namun, sesuatu yang berharga yang diumpamakan seperti emas dan perak bukanlah merujuk kepada medium berwakaf semata-mata tetapi dilihat sebagai logam yang berharga yang dapat memberi keuntungan kepada pemiliknya dan keuntungan kepada orang lain.

**Jadual Perkaitan Wakaf dengan Dinar Emas Menurut Hadith**

| HADITH TENTANG WAKAF | HADITH TENTANG DINAR EMAS |
|---|---|
| a) Tidak ditemui tentang konsep wakaf yang menggunakan dinar emas | a) Tidak ditemui tentang dinar emas sebagai kaedah berwakaf |
| b) Keperluan kepada amalan bersedekah antara yang syafaat yang dibawa walaupun sudah meninggal dunia kelak | b) Penggunaan perkataan dinar emas dinyatakan secara terbatas dengan amalan bersedekah dan bukannya amalan berwakaf. Hal ini dinyatakan dalam Hadith Shahih Muslim No 1661, ungkapan "dinar (harta) yang kamu belanjakan di jalan Allah SWT dan dinar (harta) yang kamu berikan kepada seorang budak wanita, dan dinar yang kamu sedekahkan". Hal ini bermakna penggunaan perkataan dinar difahami sebagai sesuatu harta dalam bersedekah. |

Berdasarkan kepada Jadual di atas pula, sudut pandangan beralih kepada hadith. Merujuk hadith berkenaan wakaf dan dinar emas penelitian mendapati bahawa tidak ditemui sebarang hadith yang mengemukakan tentang dinar emas sebagai salah satu medium berwakaf. Merujuk kepada amalan bersedekah, penggunaan perkataan dinar turut digambarkan sebagai sesuatu

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

harta yang berharga dan Allah SWT menyeru agar hamba-Nya membelanjakan harta ke jalan yang diredai-Nya.

## Kesimpulan

Pada akhirnya, terdapat empat rumusan yang dapat dikenal pasti. Pertama, tidak ada dalil atau hadith yang menerangkan tentang wakaf menggunakan dinar emas. Kedua, perbincangan tentang wakaf dan dinar dalam al-Quran adalah lebih terhad dan terbatas. Ketiga, perbincangan dalam hadith tentang wakaf adalah lebih terperinci. Keempat, keselarian antara amalan sedekah dan dinar sebagai barang berharga hampir sama dalam al-Quran dengan hadith. Rentetan daripada perbincangan tentang kedudukan dinar emas sebagai medium berwakaf dalam al-Quran dan hadith. Walaupun, ketiadaan nas khusus mengenai penggunaan dinar emas sebagai medium wakaf, namun tidak boleh ditaksirkan sebagai larangan terhadap penggunaannya. Sebaliknya keharusan tersebut perlu ditentukan berdasarkan prinsip umum syariah dalam muamalat.

| | |
|---|---|
| **Penghargaan:** | Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UiTM Terengganu, Kampus Dungun atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. |
| **Penyataan Pembiayaan:** | Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan. |
| **Pernyataan Konflik Kepentingan:** | Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip. |
| **Pernyataan Etika:** | Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum. |
| **Pernyataan Sumbangan Penulis:** | Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Penulis 1] bertanggungjawab terhadap Analisis dapatan kajian dan keseluruhan kajian. [Penulis 2] mengendalikan berkaitan soratan karja. [Penulis 3] menyumbang kepada penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip dan teknikal. [Penulis 4] Menyemak bahasa dan perinciaan rujukan. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan. |

International Journal of Entrepreneurship and Management Practices
IJEMP
EISSN : 2600-8750
Volume 9 Issue 35 (September 2026) PP. 472-494

**Rujukan**

Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001a). Tafsir al-Maraghiy Jilid 1, Juzuk 1 & 2. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001b). Tafsir al-Maraghiy Jilid 2, Juzuk 2 & 3. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001c). Tafsir al-Maraghiy Jilid 6, Juzuk 11 & 12. KualaLumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001d). Tafsir al-Maraghiy Jilid 11, Juzuk 21 & 22 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa

Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001e). Tafsir al-Maraghiy Jilid 13, Juzuk 25 & 26. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mustafa Al-Maraghiy (2001f). Tafsir al-Maraghiy Jilid 13, Juzuk 21 & 22. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aljadani Abdussalam, Mear Fred and Raimi Lukman (2016). Discourse Analysis of The Dinar Currency System and The Single Currency Agenda in The Gulf States. World Journal of Social Sciences, Vol.6. No.3. September 2016. Pp.113-123.

Amat@Anwar Zainal Abidin (2002). Sejarah Penggunaan Matawang Dinar. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Dinar Peringkat Kebangsaan "Dinar: Ke Arah Pemantapan Ekonomi Ummah" pada 16 Mac 2002, Kolej Universiti Islam Malaysia.

Arif Pujiyono (2004). Dinar dan Sistem Standar Tunggal Emas Ditinjau Menurut Sistem Moneter Islam. Dlm Jurnal Dinamika Pembangunan (JDP), Volume 1 (Nomor2).pp.144152.ISSN 1829-7617.

Asmak Ab Rahman (2009). "Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia", dlm Jurnal Syariah, 17(1), hlm. 113-152.

HAMKA (1983). Tafsir al-Azhar, Juzu"7. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd Singapura.Ibnu Katsier (1994). Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Katsier: Jilid 5. Kuala Lumpur: Victory Agency.

Hessa Abdulrahman Abdulaziz AlJabr (2015).Coins in the Hejaz During the First Abbasid Period 750- 847 A.D. Mediterranean Archaeology and Archaeometry, Vol.15, No 1, pp.177-126.

Hussin Salamon dan Zanirah Mustafa (2010). Pelaksanaan Dinar dalam Sistem Ekonomi Moden: Cabaran dan Prospek Masa Depan. Diakses dar http://www.Islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/kertas_persidangan/2010/04/07_Hussin__Zanirah.pdf pada 7 April 2014.

Ibnu Katsir (2008a). Tafsir Ibnu Katsir Jilid 2. Indonesia: Pustaka Iman asy-Syafi"i.

Muhammad Aslam Haneef and Emad Rafiq Barakat (2006).Must Money Be Limited to Only Gold and Silver? A Survey of Fiqhi Opinions and Some Implications. Jurnal JKAU: Islamic Econ, Vol.19, No. 1, pp:21-34 (2006 A.D/1427 A.H).

Muhammad Bahrul Ilmi (2012). Analisis Kelayakan Dinar dan Dirham Sebagai Mata Uang Terhadap Transaksi di Indonesia. Diakses dari http://eprints.unisbank.ac.id/207/1/artikel 40.pdf pada 7 April 2014

Nik Maheran Nik Muhammad (2011). Public Acceptance Towards Kelantan Gold Dinar. Dlm Jurnal Business dan Management Quarterly Review, 2(3), 79-87, 2011 ISSN 2180-2777.

Noorsafuan Che Noh, Hanif Md Lateh, Wan Kamal Mujani, Ezad Azraai Jamsaridan Izziah \Suryani Mat Resad @ Arshad (2010). Dinar Emas Negeri Kelantan Zaman Silam dan Moden: Satu Pengamatan Sejarah. Diakses dari http://e

muamalat.gov.my/sites/default/files/kertas_persidangan/2010/04/05_Noorsafuan.pdf pada 7 Dis 2014.

Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali dan Norhayati Mat Husin (2004). Gold Dinar: The Impacts On Economic Social Order. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Mengenai Isu-Isu Ekonomi dan Perniagaan pada 18 Mei 2004, Universiti Teknologi Mara.

Razali Othman (2013). Instrumen Wakaf Tunai: Analisis Falsafah Penciptaan Wang Fiat Daripada Perspektif Maqsad Wakaf Tunai, Kertas Kerja dibentangkan di The 7th Isdev International Graduate Workshop (INGRAW 2013) anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) di Dewan Persidangan Universiti (DPU) USM, Pulau Pinang pada 30-31 Oktober 2013.

Salmy Edawati Yaacob (2012a). Aplikasi Semasa Penggunaan Dinar Emas di Malaysia. Dlm JURNAL ISLAM dan Masyarakat Kontemporari Jilid 5 (Julai), 2012,53-63.

Salmy Edawati Yaacob (2012b). The Reality Of Gold Dinar Application In Malaysia. Dlm Jurnal Advances in Natural and Applied Sciences, 6(3): 341-347, 2012 ISSN 19950772.

Salmy Edawati Yaacob, Sanep Ahmad & Wan Najihah Wan Mohd Zabaria (2009). Kestabilan Mata Wang dalam Menangani Krisis Ekonomi: Ke Arah Penggunaan Dinar Emas, Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar 2009 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Selangor pada 27 Ogos 2009

Sayyid Qutb (2000a). Tafsir Fi zilalil Quran, Di Bawah Bayangan al-Qur‟an Jilid 2. Kelantan:Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Sayyid Qutb (2000b). Tafsir Fi zilalil Quran, Di Bawah Bayangan al-Qur‟an Jilid 3. Kelantan:Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Sayyid Qutb (2000c). Tafsir Fi zilalil Quran, Di Bawah Bayangan al-Qur‟an Jilid 14. Kelantan Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Sherif Anwar and Jere L. Bacharach (2010). Shi'ism and the Early Dinars of the Fatimid Imam Caliph al-Mu'izz li-din Allah (341-365/952-975): An Analytic Overview. Al- Masaq: Journal of the Medieval Mediterranean.

Zaharuddin Abd. Rahman (2010). Keingkaran Menempah Ancaman Riba dan Kewangan Semasa. Selangor: Tihani Cetak Sdn. Bhd.